

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@tabh.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TH LANCAR PRODUK HIBAH AMANAH

Kuala Lumpur, 11 Mei 2017 – Lembaga Tabung Haji (TH) pada hari ini melancarkan produk terbaiknya, "Hibah Amanah" khusus kepada lebih 9 juta pendeposit di negara ini. Pelancaran produk ini disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri, di Ibu Pejabat **TH**, Jalan Tun Razak.

Menurut YB Menteri, Islam telah menggariskan panduan yang lengkap kepada umatnya mengenai urusan pembahagian harta bagi memudahkan pengurusan harta supaya hal ehwal kebijakan ahli keluarga terpelihara semasa masih hidup ataupun selepas meninggal dunia.

"Usaha Tabung Haji melancarkan produk Hibah Amanah ini amat dialu-alukan kerana dapat membantu mengurangkan masalah wang simpanan yang tidak dituntut, selain memberi peluang kepada penyimpan untuk mengurus kewangan mereka dengan lebih baik dan mengelakkan perebutan harta apabila berlaku kematian." Tambah beliau lagi, Tabung Haji turut mensasarkan pendaftaran Hibah Amanah **TH** sebanyak 50,000 bagi tahun pertama ini.

Pemberian Harta Hibah Amanah daripada akaun simpanan **TH** oleh pendeposit semasa hidupnya kepada Penerima Hibah Amanah adalah atas dasar kasih sayang, secara sukarela, tanpa paksaan dan tanpa mengenakan sebarang balasan. Produk unik ini dilihat memberi kelebihan kepada para pendeposit bersifat sejagat kerana tidak mengira bangsa dan agama. Bersifat lebih terancang, produk Hibah Amanah ini turut memberi peluang kepada para

pendeposit atau saudara baru (mualaf) yang tiada waris beragama Islam seperti yang disyaratkan dalam konsep Penamaan terdahulu.

Pemberi Hibah Amanah masih boleh menikmati faedah, membuat urus niaga dan mendapat semua manfaat daripada Harta Hibah Amanah yang telah dihibahkan tersebut selama mana Pemberi Hibah Amanah masih hidup.

Turut hadir dalam majlis pelancaran ini, YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengerusi **TH**, Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan barisan Pengurusan Kanan **TH**.

Permohonan Hibah Amanah **TH** boleh dilakukan di mana-mana pejabat cawangan **TH** di seluruh Malaysia. Maklumat lanjut dan syarat-syarat lain berkaitan produk ini dengan dokumen yang diperlukan boleh dirujuk terus dengan pejabat cawangan dan juga menerusi laman web **TH**, www.tabunghaji.gov.my.

Untuk sebarang pertanyaan lain berkaitan perkhidmatan **TH**, orang ramai boleh menghubungi talian Khidmat Pelanggan (THCC) kami di 03-6207 1919.

-Tamat-

Istilah Yang Digunakan/Terminology

Pemberi Hibah Amanah	:	Pendeposit TH
Penerima Hibah Amanah	:	Orang awam/Pendeposit TH
Harta Hibah Amanah	:	Wang Akaun TH (akad pada nilai RM1,000.00 dan ke atas)

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 124 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919.